

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.11.2016**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelbagai dan jumlah *revenue* yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sarawak hasil daripada pengeluaran minyak dan gas asli di Sarawak untuk tahun 2010 hingga 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, hasil kutipan cukai Kerajaan Persekutuan yang dikutip di negeri Sarawak bagi tempoh 2010 hingga 2015 adalah berjumlah RM29.9 bilion. Daripada jumlah

tersebut, RM23 bilion adalah daripada kutipan cukai langsung manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM6.9 bilion.

2. Kutipan hasil berkaitan pengeluaran minyak dan gas asli pula adalah terdiri daripada cukai pendapatan petroleum (PITA), duti eksport dan royalti petroleum. Bagi tempoh 2010 hingga 2015, hasil Kerajaan Persekutuan daripada pengeluaran minyak dan gas yang dikutip di negeri Sarawak adalah berjumlah RM40.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM22.7 bilion adalah PITA, RM2.3 bilion adalah duti eksport manakala RM15.4 bilion adalah royalti petroleum.